



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld. **5** (3)

Tarikh : **04** Ogos 2025

Guru Besar
Sekolah-sekolah Rendah Daerah Kluang

Tuan,

**LANTIKAN JAWATANKUASA DAN HAKIM PERTANDINGAN *PUBLIC SPEAKING*
KARNIVAL SEMARAK PERPADUAN BAHASA INGGERIS SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kluang dan SK Bandar T6, Kluang akan mengadakan pertandingan tersebut mengikut ketetapan yang berikut:

Tarikh : 5 & 6 Ogos 2025 (Selasa & Rabu)
Masa : 7.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : SK Bandar T6, Kluang

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama daripada pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru dan seperti di lampiran yang telah dilantik sebagai jawatankuasa dan hakim untuk menjalankan tugas dalam pertandingan yang tersebut mengikut ketetapan yang dinyatakan. **Pentadbir perlu memastikan Dasar Melindungi Masa Instruksional (MMI) dipatuhi sepanjang penglibatan guru yang menghadiri aktiviti tersebut.**

3. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi En. Hairul Azuan bin Ahdan, Pen. PPD Pembangunan Bakat Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang di talian 07-7741103. Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINUDDIN BIN MD RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid,
b.p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

sk : Fail Ko-akademik SR